

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, August 27, 2017 8:26 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Manager's Coffee Dibuka Di Langkawi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



27 OGOS 2017 / 05 ZULHIJAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

MANAGER'S COFFEE DIBUKA DI LANGKAWI



UUM ONLINE: Langkawi – Manager's Coffee yang mula beroperasi sejak setahun lalu di Universiti Utara Malaysia (UUM) kini mengembangkan perniagaan dengan membuka cawangan pertama yang terletak di Jeti Kuah.

Perasmian Manager's Coffee Langkawi telah disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan & Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), Dato' Razali Othman yang mewakili Menteri PDNKK, semalam.

Dato' Razali dalam ucapannya berkata, langkah UUM membuka Manager's Coffee wajar dipuji kerana bukan sahaja membantu menjana pendapatan universiti, malah membuka peluang pekerjaan kepada orang ramai khususnya pelajar dan usahawan baru yang mencari pekerjaan melalui sistem francais ini.

Bagaimanapun, menurutnya, membuka perniagaan memerlukan kesabaran tinggi yang menjadi teras utama kepada industri Food & Beverage (F&B).

"Saya berharap usaha ini memberi impak baik kepada semua dan pembangunan francais akan memajukan UUM dalam menjana pendapatan.

"Selain itu, saya juga berharap Manager's Coffee dapat memaparkan harga terakhir yang perlu dibayar pelanggan apabila membeli produk di restoran ini mengikut cadangan pindaan Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan 2011 yang mencadangkan tiada harga tersembunyi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir berkata, ramai yang tidak menduga bahawa UUM akan membuka restoran berjenama di Lembah Sintok termasuk di Pulau Langkawi.

Ujar beliau, Manager's Coffee akan memainkan peranan sebagai tapak latihan kepada pelajar UUM dalam bidang berkaitan di samping menjana pendapatan agar dapat mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan.

"Saya berharap agar Manager's Coffee menjadi sebutan dalam kalangan pengunjung dengan mendapat sambutan yang baik," katanya.

Manager's Coffee Langkawi merupakan outlet luar pertama Manager's Coffee dalam usaha meluaskan bidang perniagaan dan pengenalan jenama kelahiran UUM ini.

Lokasi Manager's Coffee Langkawi yang terletak di pusat tumpuan iaitu Jeti Kuah dijangka akan menjadi outlet tumpuan dan ikon kepada lokasi tersebut, malah pengurusan Manager's Coffee akan mengatur strategi pemasaran yang lebih agresif berikutan persaingan yang sengit daripada jenama lain.

Hadir sama Naib Canselor UUM, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak merangkap Ahli Lembaga Pengarah UMHSB dan pegawai-pegawai UMHSB serta UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.